



Anwar dan Sultan Hassanal Bolkih menyaksikan Arham (kiri) dan Sofian menandatangani MoU antara MIDA dengan Agensi Pelaburan Brunei di Seri Begawan, semalam. (Foto BERNAMA)

Malaysia, Brunei sepakat teroka potensi pelaburan

BH- 26/11/2023 m/s: 21

MIDA, BIA meterai MoU beberapa sektor termasuk industri halal

Lembaga Pelaburan Pembangunan Malaysia (MIDA) dan Agensi Pelaburan Brunei (BIA) memeterai memorandum persefahaman (MoU) yang memberi peluang bagi kedua-dua negara meneroka potensi pelaburan

yang memberi kepentingan bersama.

MoU itu ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Arham Abdul Rahman dan Pemangku Pengarah Urusan BIA, Sofian Mohammad Jani di Istana Nurul Iman, di Bandar Seri Begawan, semalam.

Majlis pemeteraian itu disaksikan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkih dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dokumen berkenaan antara lain memberi pemahaman awal bagi kedua-dua pihak untuk mengadakan rundingan ke arah pelaksanaan dan penyediaan perjanjian lanjut mengenai pelaburan dua hala yang boleh dilaksanakan oleh

pihak tertentu antara Brunei dan Malaysia.

MoU itu merangkumi kerjasama dan pelaburan dua hala dalam sektor minyak dan gas hilir, ekonomi digital, pembuatan pintar, pertanian pintar, kecerdasan buatan, pelancongan dan industri makanan halal.

Terdahulu, Sultan Hassanal Bolkih berkenan menerima menghadap Anwar yang dalam rangka lawatan rasmi selama dua hari ke Brunei.

Ini disusuli dengan pertemuan empat mata Perdana Menteri dengan Sultan Hassanal Bolkih.

Lawatan berkenaan adalah kunjungan kedua ke luar negara bagi Anwar selepas dilantik seba-

gai Perdana Menteri Ke-10 pada November lalu.

Dagangan RM13.22 bilion
Tahun lalu, Brunei adalah rakan dagangan ke-26 terbesar Malaysia dan keenam terbesar dalam ASEAN dengan jumlah dagangan berjumlah RM13.22 bilion (AS\$2.98 bilion).

Sepanjang tahun lalu juga, Malaysia merekodkan peningkatan jumlah eksport ke Brunei sebanyak 33.3 peratus, iaitu RM7.4 bilion (AS\$1.68 bilion), manakala jumlah import dari Brunei merekodkan RM5.82 bilion (AS\$1.21 bilion), peningkatan 154.8 peratus berbanding tahun sebelumnya. BERNAMA